



EKSPLO REKACIPTA & PENYELIDIKAN UniMAP 2007

Tanggal 14 Januari 2008, telah berlangsungnya Ekspo Rekacipta dan Penyelidikan UniMAP 2007. Ekspo ini bukan saja melibatkan penyertaan di peringkat UniMAP sendiri, malah yang lebih istimewanya, ia turut melibatkan penyertaan dari sekolah-sekolah menengah di sekitar negeri Perlis. Sebanyak 85 produk penyelidikan oleh penyelidik UniMAP dan 31 produk daripada 15 buah sekolah telah mengambil bahagian di dalam Ekspo berkenaan.



Ekspo yang memasuki tahun ketiga penganjurannya mendapat kerjasama daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Ianya bertujuan untuk mengeratkan kerjasama di antara UniMAP dengan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dan juga secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada para pelajar sekolah menengah yang terlibat untuk bergerak setapak ke hadapan dalam inovasi sains dan penyelidikan.



UniMAP juga ingin mendedahkan penyelidikan terkini hasil ciptaan para penyelidikinya untuk dikongsi bersama dengan pelajar-pelajar sekolah yang berminat dengan bidang penyelidikan.



Ekspo Rekacipta dan Penyelidikan UniMAP 2007 ini diadakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Putra, Kangar Perlis. Majlis pada sebelah pagi dimulakan dengan perasmian oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin. Majlis kemudiannya diteruskan dengan slot ceramah yang bertajuk 'Membudayakan Sains & Teknologi Dalam Masyarakat' oleh Prof. Ku Halim Ku Hamid dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Pada sebelah malamnya pula, satu majlis makan malam dan penyampaian hadiah telah diadakan di Hotel Putra Palace, Kangar Perlis. UniMAP merasa bangga dan amat bertuah kerana Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim telah sudi hadir untuk bersama-sama memeriahkan lagi majlis bersama penyelidik pada malam tersebut.

Penganjur ekspo ini percaya bahawa program seumpama ini mampu memberi impak yang menyeluruh bukan sahaja kepada penyelidik UniMAP malah juga kepada para pelajar sekolah yang terlibat untuk lebih berdaya saing dalam menghasilkan produk yang lebih berinovatif pada masa akan datang, selain mampu meningkatkan minat penyelidik muda. UniMAP berharap kerjasama yang erat seperti ini akan diteruskan lagi bagi melahirkan pelapis berjaya yang akan membangunkan negara pada masa hadapan.